

28 SEP 1999

Mahathir-Demonstrasi

DEMOSNTARSI JALANAN JEJASKAN PERNIAGAAN, KATA MAHATHIR

Oleh: Amin Husaini Harun

NEW YORK, 27 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat kini bosan dengan demonstrasi jalanan yang diadakan, kerana hasutan sedemikian hanya menjejaskan perniagaan dan peniaga kecil.

Katanya beliau pada satu ketika bimbang dengan keadaan itu tetapi kini rakyat sendiri telah bosan dengannya kerana mereka sebenarnya yang terjejas dari segi kewangan.

Dalam komen yang dibuat pada rakaman satu program perbualan untuk siaran televisyen saluran 13 di sini pada Isnin malam, Dr Mahathir percaya demonstrasi baru-baru ini diatur oleh bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sedang menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan rasuah.

Kepada satu soalan oleh Charlie Rose daripada Public Broadcasting System, beliau berkata Anwar telah mengetuai demonstrasi pelajar terhadap kononnya kes kebuluran seorang kanak-kanak pada 1974, yang akhirnya didapati tidak benar.

"Di Malaysia, adalah tidak mungkin bagi sesiapa mati kerana kebuluran. Di negara yang biasanya jika seseorang itu melihat jirannya menderita kebuluran, yang lain akan membantu memberikannya makanan," katanya.

Kepada satu soalan sama ada kerajaan menentang suara-suara sumbang, Dr Mahathir berkata serangan terhadap kerajaan boleh didapati dalam kebanyakan akhbar vernakular.

"Sementara akhbar-akhbar bahasa Inggeris agak seimbang dalam laporan mereka dan menghargai perkara-perkara yang sepatutnya dihargai, akhbar-akhbar vernakular adakalanya menyerang kerajaan tanpa sebab yang munasabah.

"Kami tidak menyekat mereka," katanya. Malahan katanya parti-parti politik telah mengedarkan akhbar mereka kepada orang ramai tanpa dihalang oleh kerajaan.

Mengenai wartawan Kanada yang dipenjarakan Murray Hiebert kerana menghina mahkamah, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak campurtangan kerana ia merupakan perkara antara mahkamah dan wartawan itu.

Wartawan berkenaan dihadapkan ke mahkamah kerana menghina dan Malaysia tidak mempunyai peruntukan yang mengecualikan wartawan daripada undang-undang negara.

"Sesiapa yang melanggar undang-undang haruslah menerima akibatnya seperti orang lain juga. Setiap orang adalah sama di sisi undang-undang termasuk Raja sendiri," katanya.

Mengenai hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat, Dr Mahathir berkata beliau mendapati kebanyakan rakyat Amerika keliru mengenai Malaysia.

Umpamanya mereka suka mengaitkan Malaysia dengan jiran-jirannya sehinggakan mereka beranggapan apa sahaja yang berlaku di negara-negara seperti Indonesia, Thailand dan Filipina, ia juga akan melibatkan Malaysia.

Katanya rakyat Amerika harus membiarkan negara-negara yang baru merdeka untuk menegakkan demokrasi sendiri dan tidak memaksakan bentuk demokrasi mereka terhadap orang lain.

-- BERNAMA

AHH RON